

11 MENARA BAHARU DAN 88 STESEN PEMANCAR DINAIKTARAF DI MARAN

MARAN, 29 SEPTEMBER 2021: Penduduk di Daerah Maran mendapat peruntukan sebanyak 11 menara baharu termasuk 88 stesen pemancar yang akan dinaiktaraf bagi memastikan perkhidmatan internet di daerah tersebut akan terus bertambah baik.

Kesemua pelaksanaan usaha ini dirancang di bawah Pelan Jalinan Digital Negara (JENDELA) yang dilaksanakan secara bersama antara Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) dengan Kerajaan Negeri Pahang.

Pengerusi Jawatankuasa Sains, Teknologi, Inovasi, Komunikasi dan Multimedia Negeri Pahang, YB. Dato' Haji Mohammad Fakhrudin Mohd Ariff berkata, beliau akan memastikan pelaksanaan JENDELA di Negeri Pahang termasuk di Daerah Maran ini dapat dilaksanakan sebaik mungkin dan berjalan lancar serta siap pada masa yang ditetapkan.

“Saya telah dimaklumkan oleh Pengarah SKMM Pahang, Tuan Haji Mohd Faisal Md Nor yang turut melaporkan perkara sama dalam Mesyuarat Jawatankuasa Kerja dan Tindakan Daerah Maran baru-baru ini, dimana sehingga kini satu menara yang terletak di Kampung Embun telahpun siap dan beroperasi sejak Jun 2021 lalu,” katanya di sini hari ini.

Beliau berkata, sebanyak 17 stesen pemancar juga sedang dan telah siap dinaiktaraf melibatkan beberapa kampung seperti di kawasan Felda Jengka, Felda Kampung New Zealand, Kampung Lubuk Paku dan Taman Shahbandar .

Pelaksanaan baki 10 menara dan 71 stesen pemancar lagi sedang dilaksanakan berperingkat dan ianya dijangka siap sepenuhnya apabila Fasa 1 pelan JENDELA siap pada penghujung tahun 2022.

Selain daripada perkhidmatan internet tanpa wayar, pada masa yang sama projek menaiktaraf internet talian tetap juga sedang dilaksanakan dimana sebanyak 6,633

premis di Maran akan dilengkapi dengan rangkaian gentian optik bagi membolehkan perkhidmatan internet berkelajuan tinggi diberikan.

Katanya, penduduk di Daerah Maran dijangka akan dapat menikmati perkhidmatan internet jalur lebar lebih baik apabila pelaksanaan semua inisiatif Fasa 1 pelan JENDELA ini siap sepenuhnya pada penghujung tahun 2022 nanti. –

PAHANGMEDIA

Disediakan oleh Unit Komunikasi dan Media Pahang (UKOMP)

#MajuTerusPahang
#Pahang1st
#KerajaanNegeriPahang
#PahangGo

Oleh: Mahathir Ali

(LIPUTAN BERGAMBAR)

PELAN JENDELA DAERAH MARAN

2 Senarai Lokasi Naiktaraf stesen pemancar (BTS) 2G/3G ke rangkaian 4G

1	LPT 9 (3.6154 102.7862)	27	Felda Jengka 6
2	LPT 12 (3.5844 102.6993)	28	Felda Jengka 7
3	LPT KM 145 (3.5739 102.5618)	29	Felda Jengka 8
4	LPT Exit Sri Jaya (3.692 102.8853)	30	Felda Jengka 9
5	LPT 15 (3.6529 102.837)	31	Felda Jengka 10
6	LPT 16 (3.6923 102.8854)	32	Felda Jengka 11
7	Felda Kg New Zealand	33	Felda Jengka 12
8	TM Kg New Zealand	34	Felda Jengka 13
9	Kg Luit	35	Felda Jengka 14
10	Pusat Latihan Hutan	36	Felda Jengka 15
11	Kg Bak Bak	37	Felda Jengka 16
12	Bukit Senggora	38	Felda Jengka 17
13	Kg Lubuk Paku	39	Felda Jengka 18
14	Kg Belembung	40	Felda Jengka 19
15	Kg Merbau	41	Felda Jengka 20
16	Kg Serengkam	42	Felda Jengka 22
17	Bkt Gebok / Kg Sentosa	43	Felda Sungai Nerek
18	Kg Pesagi	44	Taman Shahbandar, Bandar Jengka
19	Pekan Tajau	45	Taman Desa Jaya, Bandar Jengka
20	Felda Bukit Tajau	46	Rantau Perintis, Bandar Jengka
21	Felda Ulu Jempul	47	UiTM Jengka (1)
22	Bukit Gajah	48	UiTM Jengka (2)
23	Felda Jengka 2	49	SMA Maran
24	Felda Jengka 3	50	Jalan Sungai Tekam - Jerantut / Kg Sungai Batu
25	Felda Jengka 4	51	M. Felda
52	Kg Jara	52	Kg Jara
53	Kg Air Terjun, Sg Jerik	53	Kg Air Terjun, Sg Jerik
54	Kg Kuala Sentul	54	Kg Kuala Sentul
55	Lubok Ujid, Kuala Sentul	55	Lubok Ujid, Kuala Sentul
56	Jalan Jerantut - Maran	56	Jalan Jerantut - Maran
57	Sungai Jerik / Tong Kiat	57	Sungai Jerik / Tong Kiat
58	Jalan Sungai Jerik - Kg Perak	58	Jalan Sungai Jerik - Kg Perak
59	Kg Jengka Batu 13	59	Kg Jengka Batu 13
60	Kg Sungai Leng	60	Kg Sungai Leng
61	Kg Paya Pasir	61	Kg Paya Pasir
62	Kg Bukit Chempedak	62	Kg Bukit Chempedak
63	Kg Bukit Genting Batu 13	63	Kg Bukit Genting Batu 13
64	Kg Charuk Tualang	64	Kg Charuk Tualang
65	Kg Seberang Chenor	65	Kg Seberang Chenor
66	Kg Huma Luas	66	Kg Huma Luas
67	Kg Kuala Wau	67	Kg Kuala Wau



	Jumlah BTS	Siap Naiktaraf (15-Ogos-2021)	Dalam Pelaksanaan
MARAN	88	17	71
PAHAN	893	97	796

88 stesyen pemancar di 67 menara sedia



